

Budaya tayang kemewahan punca pasangan muda sanggup hutang

Kursus kahwin dicadangkan beri penekanan pengurusan kewangan

Oleh Saadiah Ismail
Saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Budaya *flex* atau sikap suka menunjuk kemewahan di media sosial yang 'membiak' dalam kalangan masyarakat, disifatkan antara punca pasangan muda sanggup berhutang untuk mengadakan majlis perkahwinan yang tular.

Perancang Kewangan dan Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Amim Othman, berkata isu kos kenduri kahwin bukan perkara baharu khususnya dalam masyarakat Melayu.

Katanya, ia sering menjadi ti-



tik mula kepada masalah kewangan pasangan muda yang baru melangkah ke alam rumah tangga, jadi sudah tiba masanya budaya dan cara berfikir dinilai semula dalam menganjurkan majlis perkahwinan.

"Masalah utama yang perlu diubah ialah cara berfikir jangka pendek.

"Ramai pasangan muda lebih cenderung memenuhi kehendak berbanding keperluan, tanpa memikirkan kesan selepas kenduri.

"Jika mereka menyedari kehidupan selepas berkahwin memerlukan lebih banyak tanggungjawab, seperti bayaran rumah, komitmen bulanan dan persembaan anak, sudah tentu mereka akan lebih berhati-hati da-

lam berbelanja untuk majlis perkahwinan.

"Justeru, sudah tiba masanya kursus praperkahwinan kini turut memberi penekanan kepada pengurusan kewangan termasuk kos kenduri, pengurusan hutang dan perancangan pasca perkahwinan supaya pasangan membuat keputusan yang lebih bijak," katanya kepada BH, di sini, semalam.

BH kelmarin, melaporkan pasangan muda yang mahukan majlis mewah dibimbangi terperangkap dengan beban hutang untuk tempoh yang panjang kerana harga pakej perkahwinan menggunakan dewan pengantin di sekitar Lembah Klang kini semakin melambung mencecah RM50,000 hingga ratusan ribu hanya untuk meraikan 1,000 tetamu.

Pertimbang kongsi majlis

Mohd Amim berkata, tindakan berhutang semata-mata untuk mengadakan majlis mewah wajar dielakkan sama sekali kerana ada individu yang muflis akibat pinjaman perkahwinan.

"Lebih malang lagi, apabila ba-

Ramai pasangan muda lebih cenderung memenuhi kehendak berbanding keperluan, tanpa fikirkan kesan selepas kenduri

Mohd Amim Othman,
Perancang Kewangan dan Pensyarah Kanan
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian
Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, UPM



ki pendapatan selepas membayar hutang terlalu kecil, hubungan suami isteri mula terjejas dan akhirnya bercerai kerana tekanan kewangan yang berlarutan.

"Bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku, sokongan daripada ibu bapa, ahli keluarga dan rakan amat penting, bukannya menjadi pendorong kepada gaya hidup berlebihan.

"Nasihat yang baik mengenai bajet dan keutamaan boleh membantu mengelakkan beban kewangan jangka panjang," katanya.

Jelasnya lagi, bakal pengantin juga boleh mempertimbang untuk berkongsi majlis bersama

adik-beradik atau sepupu bagi menjimatkan perbelanjaan seperti sewaan dewan, catering dan hiasan.

"Pendekatan ini bukan sahaja praktikal, malah masih mengekalkan keberkatan dan nilai kekeluargaan.

"Sederhana tidak bererti kekurangan, bahkan di situlah letaknya keberkatan. Jika pasangan muda mengamalkan nilai kesederhanaan dan bijak mengurus kewangan, rumah tangga yang dibina pasti lebih tenang dan kukuh, bukan hanya pada hari bahagia, tetapi sepanjang kehidupan bersama," katanya.